Nama :................................................................................ Kelas :............................................

ڤرسيدڠن ڤڠتوا٢ دان مجليس ڤڠتوا

معهد٢ كراجان سكوله٢ منڠه اوݢام عرب بنتوان

يايسن إسلام كلنتن

Ekonomi 3767/1
Kertas 1
Ogos 2025
1 jam 15 min

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2025 M / 1446 H

## EKONOMI
## KERTAS 1

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Buku soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

**Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak**

©2025 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

1 Kerajaan menghadapi masalah kekurangan kerana

A barangan yang dipilih memaksimumkan kepuasan

B pendapatan boleh guna berkurang akibat kenaikan harga barang

C menggunakan teknik yang paling cekap untuk memaksimumkan keuntungan

D kos menyediakan projek pembangunan melebihi peruntukan pembangunan

2 Maklumat berikut berkaitan dengan dengan satu sumber ekonomi.

| |
|---|
| Berperanan mengabungkan faktor pengeluaran bagi menghasilkan barangan. |

Pernyataan manakah berkaitan dengan sumber di atas.

A mampu menghadapi risiko

B menerima faedah yang tinggi

C memiliki kemahiran profesional

D mempunyai penawaran tidak terhad

3 Rajah 1 berikut berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).




Rajah 1

Pernyataan manakah yang benar implikasi pilihan pengeluaran tersebut?

A Pengeluaran kasut sukan berkurang

B Pengeluaran kasut sekolah bertambah

C Pengeluran barang X berkurang 200 unit

D Pengeluaran barang Y bertambah 300 unit

4 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang sistem ekonomi negara Korea Utara?.

I Kebajikan rakyat diberi diutamakan

II Wujud persaingan yang adil dalam pengeluaran

III Rakyat dapat menikmati pelbagai barang dan perkhidmatan

IV Kerajaan menentukan penggunaan sumber-sumber ekonomi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

5 Rajah 2 menunjukkan permintaan terhadap suatu barang.




Rajah 2

Faktor yang manakah menyebabkan peralihan keluk tersebut?

A Peningkatan bayaran duti eksais

B Pendapatan boleh cukai meningkat

C Harga barang penggenap meningkat

D Jangkaan harga pada masa depan meningkat

6 Rajah 3 menunjukkan perubahan kuantiti permintaan suatu barang.




Rajah 3

Antara berikut, pernyataan manakah yang betul menerangkan Rajah 3?

A Citarasa pengguna merosot menyebabkan pergerakan titik S ke N

B Jangkaan harga meningkat menyebabkan titik T beralih ke titik S

C Pengurangan pendapatan menyebabkan titik Q beralih ke titik N

D Pertambahan pelepasan cukai menyebabkan titik Q ke titik T

7 Rajah 4 menunjukkan penawaran suatu barang.




Rajah 4

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut?

A Pengembangan penawaran

B Peningkatan dalam teknologi

C Peningkatan pemberian subsidi

D Pelepasan cukai individu dinaikkan

8 Pernyataan yang manakah benar apabila harga berada dibawah titik keseimbangan.

A Harga tidak berubah

B Berlaku lebihan penawaran

C Berlaku lebihan permintaan

D Harga cenderung turun

9 Penawaran bagi barang X bertambah daripada 22 unit kepada 55 unit apabila harga meningkat daripada RM4 kepada RM7.

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran barang X?.

A 2.0

B 4.0

C 7.0

D 9.0

10 Keanjalan harga permintaan suatu barang dipengaruhi oleh

A tambahan kos

B ketahanan barang

C corak penggunaan

D bilangan firma dalam pasaran

11 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi wang.

| |
|---|
| Kedai Ez Computer menawarkan kemudahan pembayaran secara ansuran untuk membantu meringankan beban pembeli yang ingin memiliki barangan elektrik yang mahal harganya. |

Antara yang berikut, manakah menerangkan tentang fungsi wang tersebut?

A Alat ukuran nilai

B Alat simpanan nilai

C Alat bayaran tertunda

D Alat perantaraan pertukaran

12 Bagaimanakah cara bank pusat menstabilkan nilai Ringgit Malaysia?.

I Mewujudkan sandaran minimum

II Mengawal kestabilan ekonomi negara

III Mengeluarkan lebih banyak matawang ke pasaran

IV Membeli Ringgit Malaysia apabila nilai Ringgit Malaysia turun

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

13 Pernyataan manakah benar berkaitan dengan akaun semasa di bank perdagangan.

A Dibayar faedah lebih tinggi

B Diberi kemudahan overdraf dan cek

C pemegang akaun diberi sijil simpanan

D Mempunyai tempoh matang simpanan

14 Aktiviti yang manakah tergolong dalam sektor ketiga?.

I Kesihatan

II Pembuatan

III Perlombongan

IV Pelancongan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

15 Padanan yang manakah betul?

| | Faktor Pemilihan | Situasi |
|---|---|---|
| A | Upah | Cik Daria meletakkan jawatan sebagai pengurus jualan di sebuah kilang memilih jawatan guru tadika kemas. |
| B | Lokasi kerja | Adam menerima tawaran kerja di Kementerian Kesihatan di Sabah |
| C | Jaminan kerja | Encik Hamdan memilih bekerja dengan kerajaan berbanding bekerja sendiri. |
| D | Kelayakan akademik | Cik Amilia memilih kerjaya sebagai Pembantu Tadbir di Jabatan Pertanian walaupun mem.iliki Ijazah Perakaunan. |

16 Maklumat berikut berkaitan dengan satu agensi kerajaan.

PERKESO

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan potongan wajib tersebut.

A Dapat merapatkan jurang agihan pendapatan

B Menampung sebahagian perbelanjaan kerajaan

C Memberi perlindungan kepada pencarum apabila bersara

D Memberi perlindungan Skim Bencana pekerjaan pencarum

17 Apakah kepentingan belanjawan peribadi?.

A Mengelakkan kenaikan harga barang

B Menampung kos sara hidup

C Merancang pinjaman persendirian

D Menyelaras perbelanjaan melebihi pendapatan

18 Gambar 1 berkaitan dengan input pengeluaran sebuah firma.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah benar menerangkan gambar di atas?



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

A Digunakan pada output sifar

B Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang

C Berubah secara langsung dengan tingkat keluaran

D Bayaran akan meningkat mengikut peningkatan pengeluaran

19 Jadual 1 menunjukkan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos berubah.

| Jumlah Keluaran (Unit) | Kos Berubah (RM) |
|---|---|
| 10 | 30 50 |
| 20 | 40 60 |

Jadual 1

Jika kos tetap adalah RM100, berapakah kos purata pada tingkat keluaran 20 unit?

A RM3.00

B RM5.50

C RM6.50

D RM8.00

20 Berikut merupakan kos pengeluaran Kedai Bakeri Fie.

Encik Shafie telah meletakkan jawatannya sebagai pegawai pemasaran yang diberikan gaji RM5000 sebulan. Beliau memulakan perniagaan Kedai Bakeri Fie dengan wang simpanan di bank RM20 000 dengan kadar faedah 3% setahun. Beiau terpaksa mengeluarkan simpanannya selepas 4 bulan menyimpan untuk memulakan perniagaan. Beliau melakukan pembayaran bahan mentah RM3000 dan gaji pekerja RM1000.

Berdasarkan kenyataan di atas berapakah kos Implisit?

A RM 5,060

B RM 5,400

C RM 5,600

D RM 5,750

21 Pernyataan manakah menunjukkan kosep eksternaliti?

A Kos diitanggung oleh pengguna dan pengeluar

B Nilai yang dimasukkan dalam penentuan harga pasaran

C Contoh kos sosial ialah kadar pencemaran alam yang rendah

D Faedah yang diperoleh masyarakat hasil penggunaan suatu barang

22 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang peranan kerajaan dalam ekonomi.

I Mengawal selia ekternaliti negatif

II Mencapai guna tenaga penuh

III Mengeluarkan barang ekonomi

IV Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

23 Antara yang berikut, yang manakan betul tentang kesan inflasi terhadap eksport Malaysia?

A Kos pengeluaran firma berkurang

B Keuntungan firma akan meningkat

C Daya saing produk tempatan menurun

D Permintaan barang tempatan meningkat

24 Gambar 2 merupakan tindakan bank pusat dalam mengawal suatu situasi ekonomi.




Gambar 2

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap masyarakat?

I Pendapatan benar masyarakat menurun

II Kecenderungan menyimpan wang di bank

III Permintaan ke atas barang mewah meningkat

IV Kurang mempu membeli barang dan perkhidmatan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

25 Keupayaan bank perdagangan mencipta kredit akan terjejas apabila

A kos pinjaman meningkat

B nisbah rizab tunai dinaikkan

C mengetatkan kawalan syarat sewa beli

D bank pusat menjual surat jaminan kerajaan

26 Maklumat berikut berkaitan peranan kerajaan dalam mengatasi masalah pengangguran dalam negara.

| |
|---|
| Kerajaan sentiasa mengkaji sistem pendidikan negara supaya selaras dengan keboleh pasaran buruh dalam pelbagai sektor ekonomi. |

Tindakan kerajaan tersebut adalah untuk mengatasi masalah

A pengangguran kitaran

B pengangguran geseran

C pengangguran teknologi

D pengangguran berstruktur

27 Sejenis cukai yang bebannya boleh dipindahkan kepada pihak lain.

A Duti setem

B Duti eksais

C Cukai pendapatan koperasi

D Cukai keuntungan hartanah

28 Pernyataan berikut berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan kerajaan.

| |
|---|
| Menyediakan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia |

Sektor manakah yang berkaitan dengan maklumat di atas ?

A Sektor Keselamatan

B Sektor Pentadbiran Am

C Sektor Perkhidmatan Sosial

D Sektor Perkhidmatan Ekonomi

29 Antara yang berikut, yang manakah mendorong imbangan dagangan cenderung positif?

I Peningkatan import produk tempatan oleh syarikat asing

II Firma tempatan menambah pelaburan di negara luar

III Kemasukan pelancong asing dari China bertambah

IV Eksport getah negara ke Kanada meningkat

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

30 Apakah bentuk sekatan yang boleh meningkatkan hasil negara?

A Tarif

B Kuota

C Subsidi

D Kawalan pertukaran asing

31 Situasi yang manakah benar berkaitan dengan import tak nampak negara?.

A Syarikat dari China membeli minyak sawit negara

B Pelajar Indonesia melanjutkan pelajaran ke Malaysia

C Pelancong dari Singapura menginap di Berjaya Tioman Resort

D Rakyat Malaysia melancong menggunakan penerbangan Qatar Airways

32 Antara yang berikut, situasi manakah yang mewujudkan penawaran terhadap Ringgit Malaysia (RM)

I Pelaburan Malaysia ke Vietnam

II Mengeksport minyak sawit ke Australia

III Pelancong Kanada menginap di Hotel Langkawi

IV Pelajar Malaysia dihantar belajar ke Amerika Syarikat

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

33 Maklumat berikut berkaitan kadar pertukaran asing antara Dollar Singapura dengan Ringgit Malaysia.

| SGD1 = RM3.20 |
|---|

Berapakah jumlah Dollar Singapura yang diperlukan oleh pengimport Malaysia untuk membeli 10 pasang kasut yang berjumlah RM15 000 daripada syarikat di Singapura

A SGD4 687.50

B SGD46 875.00

C SGD48 000.00

D SGD480 000.00

34 Peningkatan nilai Ringgit Malaysia akan menyebabkan

A nilai eksport Malaysia bertambah

B harga barang import menjadi mahal

C permintaan Dolar Amerika Syarikat meningkat

D imbangan dagangan Malaysia menjadi semakin positif

**Soalan 35** hingga **soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

| **Pilihan** | **Pernyataan I** | **Pernyataan II** |
|---|---|---|
| **A** | Betul | Salah |
| **B** | Salah | Betul |
| **C** | Betul | Betul |
| **D** | Salah | Salah |

35 I Individu dan pihak swasta bebas mencari dan memiliki kekayaan di dunia tanpa batasan.

II Keputusan ekonomi Islam haruslah berlandaskan prinsip Al-Quran dan Hadis.

36 I Untung adalah pulangan kepada modal kerana menangguhkan perbelanjaan semasa

II Untung diperoleh apabila jumlah kos melebihi jumlah hasil.

37 I Potongan wajib akan mengurangkan pendapatan semasa individu.

II Contoh potongan wajib ialah caruman insurans nyawa.

38 I Peraturan dan norma baharu merupakan salah satu ciri globalisasi

II Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menggalakan perkembangan globalisasi.

39 I Cukai regresif ialah bentuk cukai yang kadarnya semakin menurun apabila pendapatan bertambah.

II Contoh cukai regresif ialah cukai pendapatan individu.

40 I Tarif ad valerom ialah cukai import yang dihitung berdasarkan jumlah nilai barang import.

II Contoh tarif ad valerom ialah Kastam Diraja Malaysia mengenakan tarif ke atas jumlah kereta import.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



CS